

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PETISYEN DI BAWAH SEKSYEN 8 (BORANG A)
AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955 [AKTA98]**

A. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- Petisyen di bawah Seksyen 8 (Borang A) yang telah lengkap diisi dan ditandatangani di hadapan Majistret / Pesuruhjaya Sumpah.**
 - Bukti Kematian** – Salinan Sijil Kematian / Cabutan atau Carian Sijil Kematian / Perintah Anggapan Kematian atau Perintah Pengesahan Kematian daripada Mahkamah Tinggi (bagi kematian yang tiada sijil kematian atau tiada apa-apa rekod kematian dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)).
 - Salinan Kad Pengenalan** Pemohon dan Waris (salinan muka hadapan dan belakang) **dan salinan Kad Pengenalan /Sijil Kelahiran** bagi waris yang berumur kurang dari 18 tahun.
 - Salinan Perintah Pengangkatan** di bawah Akta Pengangkatan 1952 [*Akta 257*] / **Sijil Pendaftaran Anak Angkat** di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 [*Akta 253*] bagi bukan beragama Islam (jika **berkaitan**).
 - Salinan Sijil Perkahwinan atau Daftar Perkahwinan** simati (jika **berkaitan**).
 - Dua (2) Salinan** Hakmilik / Geran **yang lengkap beserta Pelan Tapak** bagi harta tak alih yang dituntut jika ada Hakmilik / Geran; atau **Dua (2) Salinan** Surat Perjanjian Jual Beli harta tak alih yang dituntut atau **Daftar Pegangan (*Registry of Holding*)** jika harta tersebut masih belum mempunyai Hakmilik / Geran.
 - Dua (2) Salinan** Carian Rasmi yang dibeli dari Pejabat Tanah Daerah bagi hakmilik HSM/GM/PM atau Pejabat Tanah Galian Negeri (PTG) bagi hakmilik HSD/GRN/PN.
 - Salinan Bil / Resit Cukai Pintu** (Taksiran).
 - Salinan dokumen-dokumen** yang terkini berkaitan dengan pemilikan harta alih simati seperti penyata akaun simpanan, sijil saham, insurans, hakmilik kenderaan dan lain-lain (jika berkaitan).
 - Salinan dokumen Penyata Hutang Piutang** simati (jika **berkaitan**).
- B. Permohonan secara dalam talian (*online*) adalah digalakkan dan boleh dibuat dengan melayari laman sesawang www.jkptg.gov.my (Klik pada Senarai Perkhidmatan Dalam Talian JKPTG Online di bawah capaian Orang Awam dan pilih Permohonan Pembahagian Pusaka Kecil dan ikuti langkah seterusnya).
- C. Borang A yang telah diisi secara dalam talian hendaklah dicetak dan ditandatangani di hadapan Majistret/ Pesuruhjaya Sumpah dan dihantar bersama dokumen sokongan ke Unit Pembahagian Pusaka yang berkenaan dalam tempoh 21 hari dari tarikh permohonan yang dihantar secara dalam talian.
- D. Sekiranya permohonan pembahagian harta alih simati pernah difailkan di Amanah Raya Berhad (ARB), sila kemukakan Salinan Akuan / Arahan oleh ARB tersebut semasa menghantar permohonan dan dokumen sokongan ke Unit Pembahagian Pusaka (UPP) yang berkaitan.
- E. Semua dokumen asal hendaklah dibawa bersama pada hari perbicaraan dan akan dimaklumkan melalui Notis Petisyen dan Pendengaran (Borang D).